

## Keselamatan Komuniti di India Menerusi Lensa Keselamatan Insan

### *Community Security in India from A Human Security Lens*

Rubiny Ravichanthiran  
<sup>1</sup>Aini Fatihah Roslam  
Noraini Zulkifli@Zulkafli

Program Kepolisian, Keselamatan Global dan Perisikan  
Jabatan Hubungan Antarabangsa, Keselamatan dan Undang-undang  
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Correspondence email: <sup>1</sup>ainifatihah@upnm.edu.my

#### Article history:

Received date: 20.06.2025  
Revised date: 25.07.2025  
Accepted date: 10.08.2025  
Published date: 30.08.2025

#### ABSTRAK

*Kajian ini meneroka peranan penting keselamatan komuniti dalam rangka kerja keselamatan insan, dengan menekankan kepentingannya dalam memupuk perpaduan sosial, keadilan, dan ketahanan di India. Keselamatan komuniti merangkumi perlindungan individu dan kumpulan daripada ancaman seperti keganasan, diskriminasi, dan pengecualian sosial yang sering berlaku dalam landskap sosio-politik India yang kompleks. Kajian ini mengenal pasti empat cabaran utama yang mengancam keselamatan komuniti, iaitu ketidaksamaan ekonomi, diskriminasi berasaskan kasta, keganasan berasaskan gender, dan kekurangan akses kepada pendidikan berkualiti. Cabaran-cabaran ini saling berkaitan dan terus memacu kitaran peminggiran serta perpecahan sosial. Kertas kerja ini turut menilai dasar-dasar sedia ada seperti Skim Jaminan Pekerjaan Luar Bandar Mahatma Gandhi (MGNREGS), Akta Pencegahan Kekejaman terhadap SC/ST, dan Akta Pendidikan untuk Semua. Walaupun dasar ini membantu meningkatkan akses kepada sumber dan perlindungan, pelaksanaannya masih tidak konsisten dengan halangan sistemik yang berterusan. Dengan merujuk kepada amalan terbaik antarabangsa seperti Program Bolsa Família di Brazil dan Pelan Strategik Kebangsaan menentang Keganasan Berasaskan Gender di Afrika Selatan, kajian ini mencadangkan pendekatan holistik yang disesuaikan dengan konteks India. Antara cadangan utama termasuk memperkukuh penguatkuasaan dasar, menggalakkan tadbir urus inklusif, menangani prasangka sistemik, serta memperluas pelaburan dalam pendidikan dan pemberdayaan komuniti. Dapatan menegaskan keperluan memperkukuh keselamatan komuniti bagi membina masyarakat yang lebih inklusif, adil, dan harmoni, sekali gus menyumbang kepada pembangunan mampan dan kestabilan sosial.*

**Kata kunci:** *India, Keselamatan Insan, Keselamatan Komuniti, Keselamatan Bukan Tradisional, Pemberdayaan Komuniti*

#### ABSTRACT

*This study examines the crucial role of community security within the broader framework of human security, highlighting its importance in fostering social cohesion, justice, and resilience in India. Community security entails protecting individuals and groups from threats such as violence, discrimination, and social exclusion, which are common in India's diverse socio-political context. The study identifies four key challenges that undermine community security: economic inequality, caste-based discrimination, gender-based violence, and limited access to quality education. These interrelated issues perpetuate cycles of marginalization and social division, threatening stability and development. The paper also evaluates existing policies, including the Mahatma Gandhi National Rural Employment Guarantee Scheme (MGNREGS), the Scheduled Castes and Scheduled Tribes (Prevention of Atrocities) Act, and the Right to Education Act. While these measures have improved access to resources and protection for marginalized groups, their implementation remains inconsistent, with persistent systemic barriers. Drawing on international best practices such as Brazil's Bolsa Familia Program and South Africa's National Strategic Plan on Gender-Based Violence, the study proposes a holistic and multidimensional approach tailored to India's needs. Key recommendations include strengthening policy enforcement, fostering inclusive governance, addressing systemic biases, and investing in education and community empowerment. Findings emphasize the importance of enhancing community security to build a more inclusive, equitable, and harmonious society. Adopting a human security perspective offers the potential to transform systemic challenges into opportunities for sustainable development and long-term stability.*

**Keywords:** *India, Human Security, Community Security, Non-Traditional Security, Community Empowerment*

## 1. Pendahuluan

Keselamatan insan merupakan satu konsep menyeluruh yang muncul pada awal tahun 1990-an sebagai alternatif kepada model keselamatan tradisional yang berpusatkan negara. Berbeza dengan pendekatan keselamatan konvensional yang menekankan perlindungan sempadan nasional dan kedaulatan politik, keselamatan insan memberi tumpuan kepada perlindungan individu dan komuniti daripada pelbagai bentuk ancaman, termasuk keganasan, kemiskinan, penyakit, dan pencabulan hak asasi manusia. Intipati keselamatan insan terletak pada gagasan bahawa setiap individu berhak mendapat perlindungan daripada ancaman yang boleh menjejaskan maruah serta kesejahteraan mereka (UNDP, 1994).

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mengenal pasti tujuh komponen utama keselamatan insan yang merangkumi pelbagai aspek kesejahteraan individu dan kolektif. Komponen tersebut termasuklah keselamatan ekonomi, yang menjamin akses individu kepada pendapatan yang stabil serta perkhidmatan asas; keselamatan makanan, yang memastikan akses kepada makanan yang mencukupi dan berkhasiat; serta keselamatan kesihatan, yang bertujuan melindungi masyarakat daripada penyakit dan menggalakkan akses kepada perkhidmatan kesihatan. Keselamatan alam sekitar pula memberi tumpuan kepada perlindungan individu daripada kemerosotan alam sekitar dan bencana, manakala keselamatan peribadi menekankan perlindungan individu daripada keganasan. Keselamatan politik menjamin bahawa setiap individu hidup dalam masyarakat yang menghormati kebebasan sivil dan hak asasi manusia. Akhir sekali, keselamatan komuniti menekankan pemeliharaan struktur sosial dengan memberi tumpuan kepada perlindungan masyarakat daripada konflik etnik, agama, dan perpecahan komuniti (UNDP, 1994; Commission on Human Security, 2003). Setiap komponen ini saling berkait, sekali gus menekankan kepentingan pendekatan holistik terhadap keselamatan insan.

Antara tujuh komponen tersebut, keselamatan komuniti memainkan peranan yang amat penting dalam mengekalkan kohesi sosial dan keamanan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Keselamatan komuniti merangkumi perlindungan individu daripada keganasan antara kumpulan dan diskriminasi, di samping memastikan bahawa kelompok etnik, agama, dan sosial dapat hidup bersama secara aman. Ia berusaha mencegah keruntuhan sistem sosial serta pengasingan kumpulan rentan, di samping memupuk keterangkuman dan kerjasama dalam kalangan masyarakat (Oberleitner, 2005). Keselamatan komuniti

yang kukuh adalah asas dalam mencegah konflik, mempromosikan keharmonian sosial, serta memastikan struktur tadbir urus tempatan responsif terhadap keperluan semua anggota masyarakat (MacFarlane & Khong, 2006).

Di India, keselamatan komuniti merupakan isu kritikal disebabkan oleh kepelbagaian etnik, agama, kasta, dan budaya yang amat luas. Walaupun India memiliki warisan budaya yang kaya, ketegangan komuniti secara historis telah menjadi cabaran besar terhadap keharmonian sosial. Insiden keganasan komuniti, yang sering dipacu oleh perbezaan agama, etnik, dan kasta, telah membawa kepada perpecahan sosial serta rasa tidak selamat dalam kalangan komuniti terpinggir (Singh, 2016). Kumpulan marginal, termasuk minoriti agama dan komuniti kasta bawahan, sering berdepan diskriminasi, keganasan, serta akses yang tidak sama rata kepada sumber, yang seterusnya melemahkan tahap keselamatan komuniti. Selain itu, proses urbanisasi pesat, jurang ekonomi, dan polarisasi politik memperburuk keadaan ini, sekali gus merumitkan usaha untuk memastikan keselamatan dan kohesi di peringkat komuniti (Gupta, 2019).

Memperkuh keselamatan komuniti di India memerlukan pendekatan pelbagai dimensi yang menangani faktor struktur dan sosial secara serentak. Langkah perundangan adalah penting, termasuk penguatkuasaan undang-undang yang melindungi golongan minoriti serta mencegah jenayah kebencian. Selain itu, mempromosikan penyertaan komuniti dalam tadbir urus dan memastikan suara kumpulan terpinggir didengari dalam proses penggubalan dasar dapat memperkasa komuniti untuk memainkan peranan aktif dalam keselamatan mereka sendiri (Ahuja, 2020). Dengan memberi tumpuan kepada aspek-aspek ini, India dapat meningkatkan keselamatan komuniti, sekali gus memupuk keamanan dan kestabilan jangka panjang dalam kalangan penduduknya yang pelbagai. Selain itu, ia merupakan elemen penting dalam keselamatan insan, khususnya di sebuah negara yang begitu berbilang kaum seperti India. Memperkuh dimensi keselamatan ini memerlukan strategi menyeluruh yang menangani punca asas ketegangan komuniti dan diskriminasi, di samping mempromosikan keterangkuman serta keadilan. Dengan mengadaptasi perspektif keselamatan insan, India mampu membina komuniti yang lebih berdaya tahan dan kohesif, memastikan setiap individu dapat hidup dalam keadaan selamat, bebas daripada keganasan dan diskriminasi, serta menyumbang kepada kestabilan dan pembangunan negara secara keseluruhan (Kaldor, 2013).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu utama yang mempengaruhi keselamatan komuniti dan keselamatan peribadi di India dengan mengambil kira pelbagai cabaran yang memberi kesan terhadap kehidupan seharian serta kesejahteraan masyarakat. Kedua, menganalisis konsep keselamatan insan dengan memberikan penekanan khusus terhadap dimensi komuniti dan peribadi, sekali gus meletakkan pengalaman India dalam kerangka teori dan praktikal keselamatan yang lebih luas. Ketiga, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka strategi yang berpotensi memperkuh keselamatan insan dan mengurangkan ancaman sedia ada dalam konteks India, di samping menawarkan pandangan terhadap respons dasar serta inisiatif akar umbi yang boleh menyumbang kepada pencapaian keselamatan yang lebih inklusif dan mampan.

## **2. Tinjauan Literatur**

Tinjauan literatur menyediakan gambaran menyeluruh mengenai penyelidikan sedia ada serta kerangka teori yang berkaitan dengan sesuatu topik (Hart, 2001; Kaminstein, 2017). Tinjauan literatur bertujuan mengenal pasti konsep utama, metodologi, dan jurang penyelidikan berhubung keselamatan insan, dengan tumpuan khusus terhadap keselamatan komuniti, terutamanya dalam konteks India. Tinjauan literatur ini dibahagikan kepada tiga tema utama: pertama, meneliti konsep keselamatan insan; kedua, membincangkan keselamatan komuniti sebagai suatu konsep; dan ketiga, menganalisis cabaran keselamatan komuniti yang dihadapi oleh India. Akhirnya, ia menjadi asas dalam membentuk persoalan yang memandu kajian ini.

### **2.1 Keselamatan Insan**

Perkembangan konsep keselamatan insan telah melahirkan pelbagai pendekatan yang menekankan aspek berbeza dalam melindungi kesejahteraan individu dan komuniti. Model keselamatan insan yang diperkenalkan oleh UNDP (1994) melalui *Human Development Report* menekankan tujuh dimensi utama, iaitu keselamatan ekonomi, makanan, kesihatan, alam sekitar, peribadi, komuniti, dan politik. Pendekatan ini bersifat normatif, dengan memberi gambaran menyeluruh tentang keperluan asas manusia yang perlu dipenuhi untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan jangka panjang (Commission on Human Security, 2003). Walau bagaimanapun, model ini sering dikritik kerana terlalu luas sehingga menyukarkan pengaplikasian praktikal dalam konteks tertentu (Paris, 2001; Owen, 2004).

Sebagai tindak balas terhadap cabaran tersebut, pendekatan alternatif seperti *Bangi Approach to Human Security and Peace* (BAGHUS) telah diperkenalkan, yang menekankan interkoneksi antara keselamatan peribadi dan keselamatan komuniti. BAGHUS berbeza daripada kerangka UNDP kerana ia memberi fokus kepada perlindungan serta pemerksaan masyarakat dengan mengambil kira identiti sosial, bencana buatan manusia, dan keselamatan sosial yang sering diabaikan dalam model global (Daud, Othman, & Ramli, 2020). Pendekatan ini menekankan bahawa keamanan hanya dapat dicapai apabila wujud keseimbangan antara aspek perlindungan (protection) dan pemerksaan (empowerment), selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh Tadjbakhsh dan Chenoy (2007) mengenai keperluan menyesuaikan konsep keselamatan insan dengan konteks lokal.

Perbandingan antara BAGHUS dan model keselamatan insan antarabangsa juga menunjukkan perbezaan dari segi orientasi epistemologi. Sementara UNDP dan *Commission on Human Security* (2003) lebih berorientasikan dasar antarabangsa yang menekankan pengukuhan struktur global, BAGHUS menekankan dimensi sosiologi dan budaya tempatan, dengan memberi ruang kepada kepelbagaian identiti serta hubungan masyarakat. Hal ini sejalan dengan hujah King dan Carnegie (2017) yang menekankan perlunya kajian keselamatan insan mengintegrasikan perspektif antropologi dan sosiologi untuk memahami dinamika marginalisasi, risiko, dan kepercayaan dalam komuniti moden. Dengan itu, BAGHUS dapat dianggap sebagai satu sumbangan penting daripada wacana akademik Malaysia terhadap pengayaan konsep keselamatan insan global, kerana ia menawarkan model yang lebih responsif terhadap realiti masyarakat majmuk serta cabaran kontemporari.

Dalam konteks India, pendekatan BAGHUS menawarkan kerangka yang relevan kerana negara ini berdepan dengan pelbagai cabaran berkaitan keselamatan komuniti dan peribadi yang berakar umbi daripada kepelbagaian etnik, agama, kasta, dan budaya. Model UNDP (1994) menyediakan asas penting melalui tujuh dimensinya, namun pelaksanaannya di India sering kali berhadapan dengan batasan struktur sosio-politik dan realiti tempatan, termasuk diskriminasi berasaskan kasta, polarisasi agama, serta jurang ekonomi yang melebar (Singh, 2016; Gupta, 2019). Di sinilah BAGHUS menjadi lebih signifikan kerana ia menekankan perlindungan daripada ancaman buatan manusia dan pemerksaan masyarakat melalui pemeliharaan identiti, solidariti sosial, serta tadbir urus komuniti yang inklusif (Daud, Othman, & Ramli, 2020).

Pendekatan BAGHUS juga menekankan hubungan antara keselamatan peribadi dan keselamatan komuniti, yang amat relevan dalam konteks India di mana keganasan komuniti dan diskriminasi sistemik melemahkan kedua-dua dimensi ini secara serentak. Seperti yang ditegaskan oleh Tadjbakhsh (2005), keselamatan insan perlu menangani punca asas konflik, termasuk marginalisasi politik dan sosial. Oleh itu, BAGHUS dapat diaplikasikan melalui strategi yang bukan sahaja melindungi golongan rentan tetapi juga memperkasakan mereka untuk mengambil bahagian dalam proses tadbir urus dan pembangunan, sejajar dengan cadangan Ahuja (2020) tentang kepentingan penyertaan komuniti dalam pembentukan dasar.

Tambahan pula, orientasi BAGHUS yang menitikberatkan keperluan lokal sejajar dengan keperluan India untuk menyesuaikan konsep keselamatan insan dengan kepelbagaian konteks sub-nasionalnya. UNESCO (2014) turut menekankan kepentingan pendidikan, pemeliharaan budaya, dan hak asasi manusia sebagai asas kesejahteraan komuniti dalam jangka panjang. Dalam hal ini, aplikasi BAGHUS di India boleh dilihat melalui inisiatif yang mengukuhkan perpaduan sosial, memperkasa minoriti agama dan kasta bawahan, serta membina struktur sosial yang lebih responsif dan inklusif. Dengan demikian, BAGHUS bukan sahaja melengkapi kerangka UNDP, tetapi juga menyediakan

pendekatan alternatif yang lebih berdaya guna bagi menangani cabaran keselamatan komuniti yang unik di India.

**Jadual 1: Perbandingan Pendekatan Keselamatan Insan**

<b>Pendekatan / Model</b>	<b>Ciri Utama</b>	<b>Kekuatan</b>	<b>Kritikan</b>	<b>Kesesuaian Konteks</b>
<b>UNDP (1994)</b>	Menekankan 7 dimensi keselamatan (ekonomi, makanan, kesihatan, alam sekitar, peribadi, komuniti, politik).	Menyediakan kerangka menyeluruh dan menjadi rujukan asas konsep keselamatan insan.	Terlalu luas dan abstrak; sukar diukur serta dilaksanakan secara praktikal.	Sesuai untuk rangka kerja global, tetapi perlu disesuaikan mengikut konteks tempatan.
<b>Commission on Human Security</b>	Menekankan <i>perlindungan</i> (protection) dan <i>pemberdayaan</i> (empowerment).	Lebih praktikal; menggabungkan cadangan dasar dengan kerangka teori.	Masih berpusat pada peranan negara dan institusi formal; kurang menekankan identiti lokal.	Sesuai untuk negara pasca-konflik atau dalam pembinaan semula (post-conflict peacebuilding).
<b>BAGHUS</b>	Menekankan interkonektiviti keselamatan peribadi-komuniti, bencana buatan manusia, kesinambungan sosial, serta identiti majmuk.	Kontekstual; sesuai untuk masyarakat berbilang etnik dan agama; lebih responsif terhadap isu kontemporari.	Masih terhad dari segi pengaplikasian di luar Asia Tenggara; belum diuji secara meluas.	Sangat sesuai untuk negara majmuk dan membangun seperti Malaysia, Indonesia, dan India.
<b>UNESCO</b>	Menekankan pendidikan, pemeliharaan budaya, dan hak asasi manusia sebagai teras kesejahteraan jangka panjang.	Menyediakan perspektif tambahan yang menekankan nilai budaya dan sosial.	Kurang memberi perhatian kepada ancaman keselamatan fizikal dan politik secara langsung.	Sesuai untuk agenda pembangunan, pembinaan identiti, dan keamanan jangka panjang.

Sumber: UNDP (1994); Commission on Human Security (2003); UNESCO (1994); Sity Daud, Zarina Othman & Rashila Ramli (2020)

## 2.2 Keselamatan Komuniti

Keselamatan komuniti, sebagai salah satu dimensi utama keselamatan insan, merujuk kepada perlindungan individu daripada keganasan serta ancaman yang berpunca daripada ketegangan antara kumpulan, diskriminasi, dan pengasingan berasaskan identiti sosial, etnik, atau agama. Dimensi ini memberi tumpuan kepada usaha mengekalkan kohesi sosial serta mencegah konflik yang boleh memecahbelahkan komuniti (UNDP, 1994). Konsep ini melibatkan penciptaan persekitaran yang selamat di mana setiap individu dapat hidup tanpa rasa takut terhadap keganasan atau penindasan, sambil memupuk kepercayaan dan kerjasama dalam kalangan kumpulan yang berbeza.

BAGHUS turut menekankan keperluan memperkasa komuniti serta peranan sistem keselamatan sosial yang inklusif dalam memperkukuh struktur sosial (Daud, Othman, & Ramli, 2020). Penyelidikan oleh Shahrbanou Tadjbakhsh menegaskan bahawa keselamatan komuniti merupakan

elemen kritikal dalam proses pembinaan keamanan, khususnya di wilayah pasca-konflik, kerana ia membolehkan pemulihan kepercayaan dan pengurangan ketegangan sosial (Tadjbakhsh, 2005). Sarjana seperti Muguruza (2020) juga menekankan kepentingan mengintegrasikan keselamatan komuniti dengan agenda keselamatan insan yang lebih luas bagi memupuk kerjasama antarabangsa dan pembangunan mampan.

Dalam konteks India, keselamatan komuniti menjadi isu yang sangat mendesak memandangkan kepelbagaian masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai agama, etnik, kasta, dan budaya. Insiden rusuhan komuniti, seperti rusuhan Gujarat pada tahun 2002, merupakan contoh bagaimana keganasan berasaskan agama boleh menjejaskan keselamatan komuniti, menyebabkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, dan keretakan hubungan sosial (Engineer, 2003). Begitu juga, diskriminasi berasaskan kasta masih menjejaskan akses kepada sumber, pendidikan, dan peluang ekonomi bagi golongan Dalit serta kasta bawahan yang lain (Jodhka, 2015). Keadaan ini memperlihatkan bagaimana kelemahan dalam keselamatan komuniti melemahkan kesejahteraan peribadi dan menjejaskan kohesi sosial.

Tambahan pula, polarisasi politik dan penyebaran retorik berasaskan identiti turut memperburuk ketegangan komuniti di India (Gupta, 2019). Proses urbanisasi yang pesat juga meningkatkan risiko konflik antara kumpulan kerana persaingan mendapatkan pekerjaan, perumahan, dan sumber asas di bandar-bandar besar (Kundu, 2011). Hal ini menunjukkan bahawa tanpa usaha memperkukuh keselamatan komuniti, India berdepan dengan risiko berterusan terhadap kestabilan sosial dan politiknya. Justeru, aplikasi kerangka BAGHUS yang menekankan perlindungan, pemeraksanaan, dan keterangkuman sosial boleh menjadi landasan penting dalam usaha membina komuniti yang lebih berdaya tahan serta aman.

### **2.3 Keselamatan Komuniti di India**

India berdepan dengan cabaran keselamatan komuniti yang signifikan akibat kepelbagaian etnik, agama, kasta, dan bahasa yang begitu luas. Rollie Lal (2023) menekankan bahawa negara ini berhadapan dengan ancaman bertindih, termasuk keganasan, keganasan komuniti, serta cabaran alam sekitar yang secara langsung menjejaskan keselamatan komuniti. Miklian dan Kolás (2013) pula menggariskan bahawa risiko keselamatan insan yang sering diabaikan, seperti kemiskinan, krisis kesihatan, dan pengasingan sosial, turut memperburuk ketegangan komuniti. Mereka berhujah bahawa kegagalan menangani isu-isu ini bukan sahaja mengancam kohesi sosial, tetapi juga menghalang pembangunan menyeluruh negara.

Roy (2006) menekankan bahawa pembangunan ekonomi dan sistem perlindungan sosial yang inklusif mempunyai kaitan rapat dengan peningkatan keselamatan komuniti. Dalam konteks ini, tadbir urus demokratik dan dasar yang bersifat inklusif menjadi kunci dalam mengurangkan keganasan dan peminggiran dalam landskap sosial India yang kompleks. Selari dengan itu, Pandey (2020) menekankan kerentanan khusus komuniti terpinggir, terutamanya golongan Scheduled Castes, dengan menyatakan bahawa dasar pemeraksanaan sosial dan keterangkuman amat penting bagi memperkukuh keselamatan insan serta keselamatan komuniti.

Selain itu, Gupta (2016) menyoroti isu keselamatan dalaman India yang melibatkan ancaman keganasan dan jenayah terancang, yang semakin menggugat kestabilan masyarakat. Analisis beliau menggariskan keperluan kepada dasar yang adaptif serta bersifat inklusif untuk menghadapi ancaman-ancaman baharu serta meningkatkan keselamatan komuniti. Secara keseluruhannya, literatur ini menegaskan bahawa cabaran keselamatan komuniti di India bersifat kompleks dan memerlukan pendekatan bersepadu yang mengambil kira faktor sosial, ekonomi, dan politik. Justeru, pendekatan yang inklusif dan menyeluruh amat diperlukan untuk memperkukuh keselamatan insan serta mewujudkan masyarakat India yang lebih aman, stabil, dan kohesif.

## **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menekankan sumber sekunder sebagai komponen utama metodologinya. Kaedah kualitatif dipilih kerana sesuai untuk meneliti konsep, perspektif, dan pengalaman melalui pengumpulan serta analisis data bukan berangka, seperti teks bertulis, dokumen dasar, dan kajian kes. Pendekatan ini dianggap relevan dalam meneroka dimensi kompleks keselamatan komuniti dalam kerangka keselamatan insan di India kerana ia membolehkan pemahaman mendalam terhadap faktor sosial, budaya dan politik yang mendasarinya (Banthari, 2023). Fokus utama kajian ini ialah dimensi keselamatan insan sebagaimana yang dihuraikan dalam *Human Development Report 1994 (HDR)* dan pendekatan Bangi terhadap Keselamatan Insan dan Keamanan (BAGHUS), dengan tumpuan khusus kepada aspek keselamatan komuniti.

Bagi pengumpulan data sekunder, pelbagai sumber bercetak dan digital digunakan termasuk jurnal akademik, laporan kerajaan, serta penerbitan daripada organisasi antarabangsa seperti *United Nations Development Programme (UNDP)*. Akses kepada artikel ilmiah dan dokumen dasar diperolehi melalui pangkalan data dalam talian seperti Google Scholar, ResearchGate, dan perpustakaan rasmi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Beberapa jurnal utama, seperti *Journal of Strategic Studies* dan *Journal of International Studies*, turut dijadikan rujukan penting kerana memberikan perspektif mendalam mengenai cabaran keselamatan komuniti di India.

Pemilihan sumber sekunder ditentukan oleh beberapa kriteria utama untuk menjamin kualiti dan kesesuaian. Pertama, keutamaan diberikan kepada artikel jurnal berwasit, dokumen rasmi kerajaan, serta laporan daripada organisasi antarabangsa yang berwibawa bagi mengekalkan kebolehpercayaan akademik. Kedua, sumber yang diterbitkan dalam tempoh terkini diutamakan bagi menggambarkan perbincangan kontemporari dan perkembangan dasar semasa, meskipun karya asas terdahulu turut dirujuk bagi menyokong kerangka teori. Ketiga, pemilihan sumber dibuat berdasarkan kaitan langsung dengan keselamatan komuniti, keselamatan insan, dan isu sosio-politik yang relevan dengan konteks India. Keempat, hanya sumber dalam bahasa Inggeris dipilih bagi memastikan konsistensi dalam analisis serta kemudahan capaian data.

Analisis data dilakukan melalui kaedah analisis tematik dan analisis kandungan. Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti tema utama serta pola berkaitan keselamatan komuniti seperti kohesi sosial, peminggiran, dan keganasan antara kumpulan. Tema-tema ini dikategorikan berdasarkan kerangka keselamatan insan yang dikemukakan oleh HDR 1994 dan BAGHUS, dengan penekanan terhadap aplikasi praktikalnya dalam konteks India. Di samping itu, analisis kandungan turut dilaksanakan untuk memahami bagaimana kerajaan India melaksanakan dasar keselamatan komuniti serta dimensi yang diberi keutamaan. Pendekatan ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai keberkesanan dasar sedia ada dalam menangani isu keselamatan komuniti di India.

## **4. Dapatan dan Perbincangan**

### ***4.1 Isu-Isu yang Mempengaruhi Keselamatan Komuniti di India***

Keselamatan komuniti dan keselamatan individu di India dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor sosio-ekonomi, budaya, dan struktur institusi. Kemiskinan yang berterusan serta ketidaksamarataan ekonomi menjadi antara cabaran utama yang mengekang pembangunan sosial dan menjejaskan kesejahteraan rakyat. Keadaan ini lebih memburukkan lagi apabila wujud diskriminasi berasaskan kasta yang telah berakar umbi sejak berabad-abad, sekali gus mengekalkan stratifikasi sosial yang mendalam dan menghalang mobiliti masyarakat (Deshpande, 2011; Thorat & Newman, 2012).

Selain itu, isu ketidaksamarataan gender dan keganasan berasaskan jantina turut melemahkan keselamatan komuniti, khususnya bagi golongan wanita yang sering menjadi mangsa diskriminasi serta kekerasan domestik dan sosial. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan hak asasi wanita, tetapi turut mengurangkan potensi mereka untuk menyumbang secara penuh kepada pembangunan masyarakat (UN Women, 2020; Kapur, 2021). Tambahan pula, jurang akses kepada pendidikan berkualiti kekal sebagai cabaran utama, di mana kelompok miskin, komuniti luar bandar, dan golongan minoriti sering

berdepan dengan peluang pendidikan yang terhad. Situasi ini seterusnya mengekalkan kitaran kemiskinan dan ketidakselamatan generasi ke generasi (Tilak, 2018).

Kesemua cabaran ini saling berkait dan menghasilkan satu kitaran kerentanan yang menghalang usaha memperkukuh keselamatan komuniti di India. Kemiskinan mendorong marginalisasi, diskriminasi sosial mengukuhkan jurang ketidaksamarataan, sementara ketidaksamarataan gender serta kekurangan akses kepada pendidikan memperbesar jurang sosial. Justeru, memahami dimensi yang pelbagai ini amat penting bagi menilai tahap keselamatan komuniti dalam kerangka keselamatan insan (UNDP, 1994; Banthari, 2023).

#### **4.1.1 Ketidaksamarataan Ekonomi dan Kemiskinan**

Ketidaksamarataan ekonomi dan kemiskinan merupakan antara faktor paling mendesak yang mempengaruhi keselamatan komuniti di India kerana ia melemahkan kestabilan sosial dan kesejahteraan individu. Ketidaksamarataan ekonomi merujuk kepada pengagihan sumber, kekayaan, dan peluang yang tidak seimbang, manakala kemiskinan pula melangkaui sekadar kekurangan kewangan, merangkumi keterbatasan dalam akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, perumahan, serta penyertaan sosial yang bermakna (Piketty, 2015; Sen, 1999). Meskipun isu ini telah mendapat perhatian global secara berterusan, akar struktural ketidaksamarataan dan kemiskinan di India masih kekal mendalam, mencerminkan legasi sejarah dan kelemahan dasar kontemporari. Sebahagian kecil penduduk India masih menguasai sebahagian besar kekayaan negara, sementara jutaan yang lain berjuang untuk memenuhi keperluan asas. Kemiskinan di India bersifat multidimensi, seperti yang ditegaskan oleh Dreze dan Sen (2013), meliputi kekurangan dalam pemakanan, pendidikan, dan penjagaan kesihatan yang secara sistematik melemahkan daya tahan kelompok terpinggir.

Walaupun statistik rasmi menunjukkan penurunan dalam kemiskinan tegar sepanjang beberapa dekad lalu, kemiskinan multidimensi masih berterusan dan terus membentuk pola pengecualian sosial. Laporan Bank Dunia (2022) menegaskan bahawa walaupun kemiskinan mutlak berkurangan, sebahagian besar penduduk masih tidak memiliki taraf hidup yang stabil, malah pandemik COVID-19 telah membalikkan sebahagian daripada kemajuan tersebut dengan menambah kerentanan di kawasan bandar dan luar bandar. Keadaan ini memburukkan lagi ketidakpastian dalam komuniti dengan mencetuskan jenayah, peminggiran, serta ketegangan sosial, khususnya yang berakar pada sistem kasta dan garis pemisah agama. Dari sudut sejarah, pengabaian kolonial serta bencana kebuluran telah memperburuk kekurangan struktur, meninggalkan ketidaksamarataan sosio-ekonomi yang berpanjangan dan terus membentuk pola pengecualian serta ketidakamanan di India masa kini (Dreze & Sen, 2013; Chancel & Piketty, 2019).

Justeru, ketidaksamarataan ekonomi dan kemiskinan bukan sekadar isu pembangunan, tetapi juga merupakan ancaman kritikal terhadap keselamatan komuniti kerana ia mencetuskan ketidakstabilan, melemahkan kepercayaan terhadap institusi, serta meningkatkan tahap kerentanan terhadap ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional.

#### **4.1.2 Diskriminasi Berasaskan Kasta dan Ketidaksamarataan Sosial**

Diskriminasi berasaskan kasta di India mengukuhkan hierarki sosial yang kaku, sekali gus membawa kepada pengecualian sistemik serta penafian hak bagi golongan bawahan, khususnya komuniti Dalit. Bentuk ketidaksamarataan ini menghadkan akses kepada pendidikan, penjagaan kesihatan, peluang pekerjaan, dan penyertaan politik, yang seterusnya mengekalkan kitaran peminggiran (Mollenkamp, 2024).

Wanita dari Dalit berdepan dengan “beban berganda” akibat diskriminasi kasta dan jantina, menjadikan mereka lebih rentan terhadap eksploitasi serta keganasan (Shah et al., 2006). Walaupun terdapat perlindungan perlembagaan dan dasar tindakan afirmatif, prejudis berasaskan kasta masih berterusan, menjejaskan lebih daripada 200 juta “kasta terjadual.” Laporan-laporan antarabangsa turut

menekankan pelanggaran berterusan seperti amalan “untouchability,” halangan kepada akses keadilan, serta penafian terhadap perkhidmatan asas (IDSN, 2016).

Ketidaksamarataan sosial di India melangkaui isu kasta semata-mata, merangkumi jurang dalam kekayaan, pendidikan, dan hak asasi (Pachamama Alliance, 2024). Namun demikian, diskriminasi kasta kekal mendalam dan sensitif dari segi politik, sekali gus menghadkan mobiliti sosial dan mengekalkan ketidaksamarataan antara generasi. Persilangan antara faktor kasta dan jantina turut memperhebatkan ketidakjaminan dalam kalangan komuniti yang terpinggir.

#### ***4.1.3 Ketidaksamarataan Gender dan Keganasan Berasaskan Gender***

Ketidaksamarataan gender merujuk kepada pengagihan peluang, hak, dan sumber yang tidak seimbang berdasarkan gender, yang sering diperkukuh oleh norma budaya serta struktur sosial. Fenomena ini berinteraksi dengan faktor kelas, kasta, dan agama, sekali gus mengehadkan akses wanita terhadap pendidikan, penjagaan kesihatan, dan penyertaan politik. Keganasan berasaskan gender (GBV)—termasuk penderaan domestik, serangan seksual, perkahwinan kanak-kanak, dan “jenayah maruah”—merupakan pencabulan serius terhadap hak asasi manusia yang melemahkan keselamatan komuniti (UNHCR, 2022).

Di India, norma patriarki mengekalkan dominasi lelaki dengan menormalkan keganasan terhadap wanita serta menghalang mangsa daripada mendapatkan keadilan. Kes Nirbhaya pada tahun 2012 menyingkap kelaziman keganasan seksual dan mendedahkan kelemahan sistemik dalam perlindungan undang-undang. Walaupun terdapat reformasi undang-undang, kepercayaan yang berakar umbi yang menghalalkan penderaan, kecenderungan menyalahkan mangsa dalam perbicaraan rogol, serta stigma sosial terus menjadi penghalang kepada pelaporan kes (Rani & Khan, 2015; Seshasayee, 2019).

Wanita daripada kasta terpinggir dan kumpulan minoriti menghadapi kerentanan yang lebih tinggi akibat persilangan diskriminasi gender dan kasta. Keadaan ini seterusnya memperburuk ketidakamanan serta mengekalkan kitaran pengecualian dan keganasan.

#### ***4.1.4 Akses kepada Pendidikan Berkualiti***

Pendidikan merupakan hak asasi manusia dan pemacu utama pembangunan sosial serta ekonomi. Artikel 26 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (1948) menegaskan hak terhadap pendidikan rendah yang percuma dan wajib, sekali gus menyoroti kepentingannya dalam memelihara maruah individu serta memajukan masyarakat. Pendidikan berkualiti bukan sahaja memperluaskan individu dengan pemikiran kritis dan kemahiran yang diperlukan untuk perkembangan diri, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan komuniti secara menyeluruh (Thangeda et al., 2016).

Namun, di India, akses kepada pendidikan masih jauh daripada seimbang. Faktor kemiskinan menjadi penghalang utama, apabila ramai kanak-kanak tidak dapat meneruskan persekolahan kerana keluarga tidak mempunyai sumber kewangan mencukupi untuk menyokong proses pendidikan mereka. Golongan berada memperoleh kelebihan melalui akses kepada sekolah swasta yang lebih baik, manakala kanak-kanak daripada latar belakang miskin bergantung sepenuhnya pada sekolah awam yang sering kurang dana dan prasarana. Keadaan ini mengukuhkan lagi kitaran kemiskinan, pengangguran, dan ketidaksamarataan sosial (Yadav, 2023; Madhavan, 2023).

Ketidaksamarataan dalam peluang pendidikan ini membawa kesan jangka panjang terhadap keselamatan manusia. Kekurangan akses kepada pendidikan berkualiti bukan sahaja menghadkan peluang pekerjaan, tetapi juga menghalang mobiliti sosial dan menyumbang kepada ketidaksamarataan yang berterusan dalam masyarakat India (Shaikh, 2024).

### **Jadual 2: Isu-isu yang Mempengaruhi Keselamatan Komuniti di India**

Isu Utama	Penjelasan	Kesan terhadap Keselamatan Komuniti
<b>Diskriminasi Berasaskan Kasta</b>	Sistem hierarki sosial yang mengekalkan marginalisasi golongan Dalit dan kasta rendah; menghadkan akses kepada pekerjaan, pendidikan, perumahan, dan politik.	Menyebabkan pengecualian sosial, marginalisasi, dan ketidakamanan dalam komuniti terpinggir.
<b>Ketidaksamarataan Gender dan Keganasan Berasaskan Gender</b>	Perbezaan peluang, hak, dan sumber berdasarkan gender; keganasan rumah tangga, serangan seksual, dan diskriminasi sistemik.	Melemahkan keselamatan peribadi wanita, mengurangkan sumbangan sosial-ekonomi mereka, dan mengekalkan kitaran ketidakadilan.
<b>Akses kepada Pendidikan Berkualiti</b>	Perbezaan peluang pendidikan antara golongan kaya dan miskin; sekolah awam kurang dana dan kemudahan berbanding sekolah swasta.	Menghadkan mobiliti sosial, mengekalkan kemiskinan, dan meningkatkan kerentanan masyarakat terhadap ketidaksamarataan dan konflik.
<b>Interaksi Faktor-Faktor</b>	Diskriminasi kasta, ketidaksamarataan gender, dan akses pendidikan yang terhad saling memperkukuh antara satu sama lain.	Menimbulkan kitaran kemiskinan, ketidakamanan, dan pengecualian berterusan dalam komuniti, menghalang kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Sumber: Mollenkamp (2024); Shah et al. (2006); IDSN (2016); UNHCR (2022); Rani & Khan (2015); Seshasayee (2019); Hangeda et al. (2016); Yadav (2023); Madhavan (2023); Shaikh (2024) Dreze & Sen (2013); UNDP (1994)

#### ***4.2 Dasar Antarabangsa untuk Memperkukuh Keselamatan Komuniti di India: Pendekatan Menyeluruh***

Pelaksanaan dasar antarabangsa yang memberi tumpuan kepada kesaksamaan sosial dan ekonomi, kesaksamaan jantina, serta pengurangan diskriminasi boleh meningkatkan keselamatan komuniti di India secara signifikan. Dasar-dasar ini, yang telah diaplikasikan di pelbagai negara di seluruh dunia, menyediakan rangka kerja praktikal yang boleh diadaptasi oleh India untuk menangani cabaran uniknya, terutamanya dalam mengurangkan ketidaksamaan dan memupuk keharmonian sosial.\

##### ***4.3.1 Dasar Antarabangsa dalam Memperkukuh Kesaksamaan Ekonomi dan Mengurangkan Kemiskinan***

Program Bolsa Família (PBF) di Brazil, yang menggunakan pemindahan tunai bersyarat untuk menangani kemiskinan dan ketidaksamaan, diiktiraf secara meluas sebagai strategi yang membawa perubahan besar. Dengan menetapkan syarat kepada penerima, seperti memastikan anak-anak mereka bersekolah dan menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala, program ini telah mencapai kejayaan yang ketara. India boleh mengadaptasi pendekatan PBF untuk menangani isu keselamatan komuniti kerana populasi yang besar dan kemiskinan yang pelbagai dimensi.

Program serupa boleh dilaksanakan di India, di mana isi rumah di bawah garis kemiskinan menerima insentif kewangan bersyarat terhadap peningkatan pemakanan, pendaftaran sekolah, dan imunisasi. Pemindahan kewangan bersyarat seperti ini boleh mendorong keluarga untuk mengutamakan kesihatan dan pendidikan, sekaligus memutuskan kitaran kemiskinan antara generasi di komuniti luar bandar dan suku kaum dengan kadar putus sekolah yang tinggi serta akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan. Tambahan pula, dengan memberikan faedah lebih besar kepada keluarga yang mempunyai anak perempuan, program ini boleh diubah suai untuk menangani isu ketidaksamaan jantina di India dan memajukan kesaksamaan jantina. Penyesuaian ini akan meningkatkan keselamatan komuniti dan

sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan India, dengan memperkasakan komuniti dan mengurangkan kerentanan ekonomi (Barrientos, 2013; FAO, 2020).

Model Housing Development Board (HDB) Singapura menawarkan asas kukuh untuk menangani kekurangan perumahan dan memupuk perpaduan komuniti. Peningkatan kadar urbanisasi di India telah membawa kepada pembentukan penempatan tidak formal dan kekurangan perumahan mampu milik di kawasan bandar. Bandar-bandar di India boleh mengadaptasi model HDB, yang menekankan perumahan yang disubsidi kerajaan dengan kawasan komuniti dan infrastruktur yang direka secara terancang, bagi menyediakan kediaman yang berpatutan dan bermaruah.

Program seumpama ini boleh dilaksanakan untuk keluarga berpendapatan rendah dan komuniti terpinggir di kawasan bandar dan pinggir bandar India. Pembangunan kompleks perumahan berpendapatan campuran dengan kemudahan seperti sekolah, pusat kesihatan, dan taman boleh dimasukkan. Di kawasan luar bandar, program berasaskan komuniti boleh memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti perumahan serta akses kepada kemudahan sanitasi dan air bersih. Gabungan projek perumahan ini dengan kemudahan latihan vokasional boleh memperkasakan penduduk tempatan melalui peluang pekerjaan. Inisiatif ini akan meningkatkan keselamatan komuniti di India dengan meningkatkan taraf hidup dan mempromosikan perpaduan sosial (Phang, 2018; UN-Habitat, 2022).

Program Kurzarbeit di Jerman, yang bertujuan mensubsidi gaji ketika jam bekerja dikurangkan, memberikan contoh kukuh tentang bagaimana menstabilkan pendapatan dan mengelakkan pengangguran semasa kemerosotan ekonomi. Program serupa boleh menjadi penting bagi keselamatan komuniti di India, di mana sektor informal adalah dominan dan pekerja miskin terjejas secara tidak seimbang oleh kejutan ekonomi seperti pandemik COVID-19.

India boleh melaksanakan skim subsidi gaji untuk pekerja dalam sektor seperti pembuatan, tekstil, dan pertanian yang terdedah kepada turun naik ekonomi. Skim ini boleh memastikan pekerja menerima sebahagian daripada pendapatan mereka semasa permintaan berkurang atau bencana semula jadi, mengurangkan kemungkinan mereka jatuh ke dalam kemiskinan. Program ini juga boleh merangkumi komponen latihan dan pembangunan kemahiran semasa waktu rehat untuk meningkatkan impak dan memberi pekerja kemahiran baru bagi kebolehpasaran jangka panjang. Dengan menangani cabaran ekonomi, strategi ini bukan sahaja melindungi mata pencarian, tetapi juga mengurangkan kemungkinan huru-hara sosial, sejajar dengan objektif keselamatan manusia India yang lebih luas (International Labour Organisation, 2020; OECD, 2021).

**Jadual 3: Aplikasi Praktikal dalam Konteks Negara India**

Negara / Program	Objektif	Ciri-ciri Utama	Impak	Cadangan Praktikal untuk India
<b>Brazil – Bolsa Família (PBF)</b>	Mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kesihatan serta pendidikan keluarga berpendapatan rendah melalui pemindahan tunai bersyarat (Conditional Cash Transfer, CCT)	Pengurusan bersama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan; kuota tempatan diselaraskan dengan data IBGE; keutamaan diberikan kepada kanak-kanak dan remaja; ganjaran berdasarkan komposisi keluarga	Meningkatkan kadar tamat sekolah menengah (75.7% → 79.7%); mengurangkan kadar kematian bayi akibat cirit-birit dan kekurangan zat makanan sebanyak lebih 50%	Melaksanakan program CCT bersyarat untuk isi rumah miskin dengan syarat seperti pendaftaran sekolah, imunisasi anak-anak, dan pemeriksaan kesihatan berkala; memberi insentif tambahan kepada keluarga dengan anak perempuan untuk menangani ketidaksetaraan jantina
<b>Singapura – Housing</b>	Menyediakan pemilikan rumah mampu milik,	Menggunakan Central Provident Fund (CPF) untuk	Kadar pemilikan rumah mencapai 88%;	Mengadaptasi model perumahan mampu milik dengan

Negara / Program	Objektif	Ciri-ciri Utama	Impak	Cadangan Praktikal untuk India
<b>Development Board (HDB)</b>	meningkatkan inklusiviti sosial, dan memperkukuh kohesi komuniti	pembelian rumah; geran tambahan seperti AHG dan SHG; kawalan penjualan semula; pembangunan kawasan berpendapatan campuran dan integrasi etnik	mengurangkan pengasingan sosial; menyokong kesejahteraan fizikal dan sosial; menstabilkan pasaran perumahan	pembangunan kawasan berpendapatan campuran; menyediakan kemudahan asas seperti sekolah, klinik, dan taman; melaksanakan program komuniti luar bandar untuk meningkatkan akses air bersih dan sanitasi; gabungkan dengan latihan vokasional bagi penduduk tempatan
<b>Jerman – Kurzarbeit</b>	Menstabilkan pekerjaan semasa kemerosotan ekonomi dan mengurangkan pemberhentian pekerja	Majikan membayar sebahagian caruman keselamatan sosial; pekerja menerima penggantian pendapatan 60–80%; tempoh program dilanjutkan semasa krisis; syarat kelayakan dilonggarkan	Memelihara pekerjaan semasa krisis kewangan dan pandemik; mengekalkan pekerja berkemahiran; mengekalkan tahap penggunaan peribadi	Melaksanakan skim subsidi gaji untuk sektor seperti pembuatan, tekstil, dan pertanian semasa kemerosotan ekonomi atau bencana; sertakan latihan kemahiran semasa tempoh rehat untuk meningkatkan kebolehpasaran jangka panjang; melindungi pekerja sektor informal daripada kemiskinan mendadak

Sumber: Hellmann & Gazola (2015) dan Sevilla Núñez (2023)

#### 4.3.2 Dasar Antarabangsa Mengukuhkan Diskriminasi Berasaskan Kasta dan Ketidaksamaan Sosial

Undang-undang South Africa yang dikenali sebagai *Promotion of Equality and Prevention of Unfair Discrimination Act* (PEPUDA) menyediakan asas legislatif yang kukuh untuk mencegah diskriminasi sistematik dan mempromosikan keadilan sosial. Bagi melindungi kesamarataan dan maruah setiap individu, Akta ini secara jelas melarang diskriminasi berdasarkan umur, jantina, etnik, ketidakupayaan, dan agama. Ia meletakkan tanggungjawab untuk mencegah diskriminasi dan menawarkan pampasan kepada individu yang terjejas ke atas kedua-dua sektor awam dan swasta. Selain itu, PEPUDA menekankan inisiatif kesedaran awam bagi membanteras sikap diskriminasi dan membentuk masyarakat berasaskan kesamarataan dan keadilan.

India masih menghadapi prejudis yang berakar umbi dan ketidakadilan struktur yang berpunca daripada sistem kasta kuno, walaupun mempunyai perlindungan perlembagaan terhadap diskriminasi berasaskan kasta. India boleh mengambil inspirasi daripada PEPUDA untuk menggubal undang-undang anti-diskriminasi yang lebih mantap, yang menjamin akauntabiliti terhadap bias berasaskan kasta di ruang awam, institusi pendidikan, dan tempat kerja. Sebagai contoh, undang-undang ala-PEPUDA di India mungkin mewajibkan pelaporan aktiviti diskriminasi, mengenakan penalti bagi pelanggaran, dan menyediakan kaedah pemulihan kepada mangsa. Tambahan pula, fokus Akta ini terhadap pendidikan awam boleh menjadi dorongan bagi inisiatif nasional yang berusaha menolak prejudis berasaskan kasta,

memajukan kesamarataan, dan menggalakkan keharmonian antara kasta. Langkah-langkah sedemikian bukan sahaja akan memperkukuh perlindungan undang-undang, tetapi juga menangani dimensi sosio-budaya diskriminasi kasta, sekali gus menyumbang kepada keselamatan komuniti yang lebih baik (Legal Aid South Africa, 2024).

Undang-undang tindakan afirmatif (*affirmative action*) memainkan peranan penting dalam membetulkan kesalahan lampau dan memastikan golongan terpinggir mendapat peluang yang sama di banyak negara. Komuniti yang kurang bernasib baik di AS mempunyai akses lebih baik kepada peluang kepimpinan, pekerjaan, dan pendidikan melalui dasar tindakan afirmatif. Selain mempromosikan kepelbagaian dan keterangkuman, dasar ini bertujuan menyamaratakan peluang dengan menghapuskan ketidakadilan sistematik.

Di India, dasar tindakan afirmatif dilaksanakan terutamanya melalui pemberian kuota kepada *Scheduled Castes* (SC), *Scheduled Tribes* (ST), dan *Other Backward Classes* (OBCs). Namun begitu, sejauh mana dasar ini mampu menangani ketidakadilan sistematik masih terhad. Strategi India boleh dipertingkatkan dengan mengambil aspek berkesan daripada program tindakan afirmatif di luar negara. Sebagai contoh, India boleh memperluaskan kuota dengan memasukkan insentif kewangan, latihan teknikal, dan inisiatif pembangunan kemahiran untuk syarikat yang dikendalikan oleh ahli kumpulan yang kurang diwakili. Pelaksanaan program yang menumpukan kepada identiti bersilang, seperti wanita dari kasta terpinggir, boleh meningkatkan keterangkuman dan mengurangkan ketidakadilan bertindan.

Undang-undang tindakan afirmatif juga boleh digabungkan dengan sistem pemantauan untuk menilai hasil dan keberkesanannya, serta memastikan kumpulan sasaran benar-benar mendapat manfaat. Selain meningkatkan taraf hidup golongan yang secara historis kurang bernasib baik, dasar ini akan mengurangkan jurang sosioekonomi dan mempromosikan pemberdayaan ekonomi serta keterwakilan, yang akhirnya akan meningkatkan keselamatan komuniti dan kohesi sosial (American Association for Access, Equity, and Diversity, 2024).

Pendekatan pelbagai dimensi bagi menangani diskriminasi berasaskan kasta dan ketidaksaan sosioekonomi ditawarkan melalui penggabungan dasar antarabangsa seperti PEPUDA dan tindakan afirmatif dalam struktur tadbir urus India. Perlindungan perlembagaan semasa India dapat diperkukuh melalui penekanan PEPUDA terhadap pendidikan awam dan tanggungjawab undang-undang, yang akan memastikan undang-undang anti-diskriminasi dilaksanakan dengan berkesan dan diterima oleh masyarakat. Pada masa yang sama, prospek sosioekonomi golongan terpinggir dapat dipertingkatkan melalui pengintegrasian amalan terbaik antarabangsa dalam undang-undang tindakan afirmatif, membolehkan mereka menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara.

**Jadual 4: PEPUDA dan Cadangan Aplikasi di India**

Aspek	Konteks Antarabangsa / Undang-undang	Situasi di India	Cadangan
<b>Undang-undang anti-diskriminasi</b>	<i>Promotion of Equality and Prevention of Unfair Discrimination Act</i> (PEPUDA), Afrika Selatan; melarang diskriminasi berdasarkan umur, jantina, etnik, ketidakupayaan, dan agama; meletakkan tanggungjawab ke atas sektor awam dan swasta; menekankan kesedaran awam (Legal Aid South Africa, 2024).	India mempunyai perlindungan perlembagaan terhadap diskriminasi berasaskan kasta tetapi menghadapi prejudis dan ketidakadilan struktur yang berakar umbi.	Menggubal undang-undang ala-PEPUDA di India: mewajibkan pelaporan diskriminasi, penalti terhadap pelanggaran, kaedah pemulihan mangsa; menekankan pendidikan awam untuk memupuk kesamarataan dan keharmonian antara kasta.
<b>Tindakan afirmatif / Kuota</b>	Amerika Syarikat: dasar tindakan afirmatif memberi peluang sama rata kepada komuniti kurang bernasib baik	India: pelaksanaan melalui kuota untuk <i>Scheduled Castes</i> (SC), <i>Scheduled Tribes</i> (ST),	Memperluas dasar kuota dengan insentif kewangan, latihan teknikal, pembangunan kemahiran;

Aspek	Konteks Antarabangsa / Undang-undang	Situasi di India	Cadangan
	dalam pendidikan, pekerjaan, dan kepimpinan; menghapuskan ketidakadilan sistematik; mempromosikan kepelbagaian dan keterangkuman	dan <i>Other Backward Classes</i> (OBCs); masih terhad dalam menangani ketidakadilan sistematik.	fokus pada identiti bersilang (contoh: wanita dari kasta terpinggir); gabungkan sistem pemantauan untuk menilai keberkesanan dan manfaat kepada kumpulan sasaran.
<b>Keseluruhan pendekatan</b>	Menggabungkan undang-undang anti-diskriminasi yang tegas dan dasar tindakan afirmatif yang berkesan membentuk strategi holistik untuk menentang diskriminasi dan ketidaksamaan.	Perlindungan perlembagaan semasa India boleh diperkukuh; dasar tindakan afirmatif sedia ada boleh diperluas untuk menyasarkan ketidaksamaan sosioekonomi lebih efektif.	Penekanan terhadap tanggungjawab undang-undang, pendidikan awam, dan pengintegrasian amalan terbaik antarabangsa dapat meningkatkan kesamarataan, keterangkuman, pemberdayaan ekonomi, dan keselamatan komuniti.

Sumber: Legal Aid South Africa (2024); American Association for Access, Equity, and Diversity (2024).

#### 4.3.3 Dasar Antarabangsa Mengukuhkan Keganasan dan Ketidaksamaan Berdasarkan Jantina

Konvensyen Istanbul (2011) menyediakan rangka kerja komprehensif untuk menangani keganasan berasaskan jantina dengan mengaitkannya kepada ketidaksamaan struktur antara lelaki dan wanita. Konvensyen ini menekankan reformasi undang-undang, perkhidmatan perlindungan mangsa, dan kempen kesedaran, sambil mengiktiraf keperluan untuk kerjasama antara kerajaan dan NGO (Council of Europe, 2024). India, di mana diskriminasi jantina dan keganasan rumah tangga masih meluas, boleh memperkukuh dasar sedia ada dengan mengintegrasikan peruntukan serupa seperti undang-undang sensitif jantina, penempatan perlindungan khusus, dan kempen pendidikan berskala besar untuk menentang norma budaya yang merugikan.

Begitu juga, Pelan Strategik Kebangsaan GBVF Afrika Selatan (2020–2030) menekankan bahawa keganasan berasaskan jantina bukan sahaja isu keadilan jenayah tetapi juga cabaran sosio-ekonomi. Dengan menitikberatkan enam tonggak iaitu pencegahan, tindak balas, sokongan mangsa, keadilan, pemberdayaan ekonomi, kepimpinan, dan penyelidikan. Ia menyediakan model holistik (Kerajaan Afrika Selatan, 2020). Bagi India, mengadaptasi pendekatan berpusatkan mangsa ini dan menyelaras tindakan kerajaan, masyarakat sivil, dan aktor komuniti boleh menghasilkan tindak balas nasional yang lebih bersatu. Terutamanya, fokus Afrika Selatan terhadap pemberdayaan ekonomi wanita amat relevan untuk India, di mana penyertaan wanita dalam tenaga kerja yang rendah dan kebergantungan kewangan menjadikan mereka terdedah kepada penderaan. Memperluaskan akses kepada mikrofinans, latihan vokasional, dan peluang keusahawanan boleh membantu mengurangkan kerentanan ini.

Strategi Kesamarataan Jantina Kesatuan Eropah (2020–2025) menambah dimensi lain dengan menangani ketidaksamaan jantina sistematik dalam tenaga kerja dan jawatan kepimpinan, sambil mengintegrasikan pendekatan interseksional (European Commission, 2020). India boleh mengadaptasi strategi ini dengan menangani diskriminasi di tempat kerja, meningkatkan keterwakilan wanita dalam kepimpinan, dan mempromosikan dasar sensitif jantina di pelbagai sektor. Pada masa yang sama, kempen pendidikan awam terhadap stereotaip dan norma patriarki boleh mengubah sikap sosial yang mengekalkan keganasan.

Secara keseluruhannya, strategi antarabangsa ini menunjukkan bahawa menangani keganasan berasaskan jantina memerlukan lebih daripada penguatkuasaan undang-undang yang menuntut reformasi undang-undang, perlindungan mangsa, pemberdayaan sosio-ekonomi, dan transformasi budaya. Sekiranya India menyelaraskan dasar nasionalnya dengan pendekatan pelbagai dimensi sebegini, ia bukan sahaja dapat memperbaiki mekanisme perlindungan dan pencegahan mangsa, malah juga memajukan kesamarataan jantina dan keselamatan sosial dalam jangka panjang.

**Jadual 5: Dasar Antarabangsa Mengukuhkan Keganasan dan Ketidaksamaan Berdasarkan Jantina dan Cadangan Aplikasi di India**

Aspek	Konteks Antarabangsa	Situasi India	Cadangan Aplikasi di India
<b>Rangka Undang-undang dan Perlindungan Mangsa</b>	Konvensyen Istanbul (2011) menekankan reformasi undang-undang, perkhidmatan perlindungan mangsa, kempen kesedaran, dan kerjasama kerajaan–NGO	India mempunyai undang-undang seperti <i>Protection of Women from Domestic Violence Act (2005)</i> dan <i>Sexual Harassment of Women at Workplace Act (2013)</i> , tetapi pelaksanaannya masih lemah dan kesedaran masyarakat rendah.	Mengintegrasikan undang-undang sensitif jantina, menyediakan pusat perlindungan khusus di seluruh negara, dan melaksanakan kempen pendidikan berskala nasional untuk menentang norma budaya yang menyokong keganasan.
<b>Pendekatan Holistik dan Sosio-Ekonomi</b>	GBVF National Strategic Plan Afrika Selatan (2020–2030) menekankan enam tonggak: pencegahan, tindak balas, sokongan mangsa, keadilan, pemberdayaan ekonomi, kepimpinan, dan penyelidikan (Kerajaan Afrika Selatan, 2020).	Wanita di India menghadapi kerentanan tinggi disebabkan penyertaan tenaga kerja yang rendah, kebergantungan kewangan, dan akses terhad kepada peluang ekonomi.	Mengadaptasi pendekatan berpusatkan mangsa: mengkoordinasi kerajaan, NGO, dan komuniti; memperluas akses mikrofinans, latihan vokasional, dan peluang keusahawanan; menggalakkan program pemberdayaan ekonomi untuk mengurangkan kerentanan terhadap keganasan.
<b>Kesamarataan Jantina dan Kepimpinan</b>	Strategi Kesetaraan Jantina EU (2020–2025) menangani ketidaksamaan sistematik di tenaga kerja dan jawatan kepimpinan serta menggunakan pendekatan interseksional	Wanita India kurang terwakili dalam kepimpinan korporat, politik, dan sektor awam; diskriminasi di tempat kerja masih berlaku.	Menangani diskriminasi di tempat kerja melalui dasar sensitif jantina; meningkatkan keterwakilan wanita dalam jawatan kepimpinan; mempromosikan kesedaran interseksional yang mempertimbangkan kelas, kasta, dan lokasi geografi.
<b>Transformasi Budaya dan Kesedaran Awam</b>	Semua strategi antarabangsa menekankan pendidikan awam untuk mengubah norma budaya yang mengekalkan keganasan.	Norma patriarki dan stereotaip gender masih kuat di banyak kawasan di India, menyokong keganasan rumah tangga dan diskriminasi.	Melaksanakan kempen pendidikan dan media yang luas untuk menentang norma patriarki; mendidik masyarakat tentang hak wanita dan kepentingan kesetaraan jantina; melibatkan tokoh komuniti, sekolah, dan media sosial.

Aspek	Konteks Antarabangsa	Situasi India	Cadangan Aplikasi di India
<b>Keseluruhan Pendekatan</b>	Gabungan undang-undang, perlindungan mangsa, pemberdayaan sosio-ekonomi, dan transformasi budaya adalah penting untuk mengurangkan keganasan berasaskan jantina.	Pendekatan semasa India bersifat sektoral dan kurang menyeluruh.	Menyelaraskan dasar nasional dengan pendekatan pelbagai dimensi: undang-undang, sokongan mangsa, pemberdayaan ekonomi, pendidikan awam; meningkatkan keselamatan sosial dan kesetaraan jantina jangka panjang.

Sumber: Konvensyen Istanbul (2011); Council of Europe, (2024); European Commission (2020)

#### 4.3.4 Dasar Antarabangsa Mengukuhkan Akses kepada Pendidikan Berkualiti

National School Reform Agreement (NSRA), yang diperkenalkan di Australia pada tahun 2015, memberi tumpuan kepada peningkatan pencapaian pendidikan untuk semua kanak-kanak, terutamanya mereka yang berasal dari latar belakang kurang bernasib baik. Keutamaan utamanya termasuk pembiayaan sekolah yang adil, pembangunan profesional untuk guru, serta promosi kaedah pengajaran dan sumber pembelajaran yang inovatif (Australian Government, 2015). India boleh mengambil pengajaran berharga daripada dasar ini dengan mengadaptasi model pembiayaan serupa yang menyasarkan sekolah luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan pendidikan, di mana ketidaksamaan pendidikan masih ketara. Memperkukuh latihan guru dan memperuntukkan sumber secara lebih adil akan membantu India merapatkan jurang pendidikan dan bergerak ke arah matlamat global pendidikan inklusif (UNESCO, 2020).

Continental Education Strategy for Africa (CESA) (2016–2025) dibangunkan oleh Kesatuan Afrika sebagai rangka kerja untuk memandu reformasi pendidikan di seluruh benua. CESA menekankan keterangkuman, akses sama rata untuk golongan perempuan dan kumpulan terpinggir, serta integrasi pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik (STEM) ke dalam sistem pendidikan negara (African Union, 2016). India menghadapi cabaran serupa, terutamanya dalam memastikan akses pendidikan untuk kanak-kanak perempuan, kanak-kanak dengan kecacatan, dan mereka yang berasal dari komuniti berpendapatan rendah. Dengan mengambil iktibar daripada CESA, India boleh memberi tumpuan kepada pengurangan halangan ini sambil memperluas peluang STEM. Pendekatan ini akan lebih membekalkan belia India dengan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi global yang berasaskan teknologi (World Bank, 2019).

National Education Policy (NEP) India 2018 berasaskan prinsip serupa dengan mempromosikan kesamarataan, keterangkuman, dan pembelajaran berkualiti untuk semua pelajar. Dasar ini bertujuan meningkatkan Gross Enrolment Ratio (GER) dalam pendidikan tinggi, mereformasi kurikulum, mengintegrasikan teknologi dalam bilik darjah, dan mempertingkatkan persediaan guru. NEP juga menggalakkan pendidikan berbilang bahasa untuk menghormati kepelbagaian budaya dan linguistik India sambil memupuk kompetensi global (Government of India, 2018). Tumpuan NEP terhadap keterangkuman dan kualiti selari dengan rangka kerja antarabangsa seperti NSRA dan CESA. Dengan menangani jurang serantau, menyokong kumpulan kurang bernasib baik, dan memastikan pendidikan yang relevan dan berkualiti tinggi, NEP India sejajar dengan objektif pendidikan global, terutamanya Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) (UNESCO, 2020).

**Jadual 6: Dasar Antarabangsa Mengukuhkan Akses kepada Pendidikan Berkualiti dan Cadangan Aplikasi di India**

Aspek	Konteks Antarabangsa / Dasar	Situasi di India	Cadangan Aplikasi untuk India
<b>Pembiayaan Pendidikan dan Kesamarataan</b>	<i>National School Reform Agreement</i> (NSRA), Australia (2015):	India menghadapi jurang pendidikan yang besar terutama di sekolah luar	Mengadaptasi model pembiayaan yang menyasarkan sekolah luar

Aspek	Konteks Antarabangsa / Dasar	Situasi di India	Cadangan Aplikasi untuk India
	menekankan pembiayaan sekolah yang adil, pembangunan profesional guru, kaedah pengajaran inovatif, dan sumber pembelajaran berkualiti	bandar dan kawasan kurang mendapat perkhidmatan; guru kurang mendapat latihan profesional, dan sumber pendidikan tidak diedarkan secara adil.	bandar dan kurang berkhidmat; memperkukuh latihan guru; memperuntukkan sumber secara lebih adil; menyasarkan kesamarataan pendidikan dan pendidikan inklusif.
<b>Keterangkuman dan STEM</b>	<i>Continental Education Strategy for Africa (CESA) (2016–2025)</i> : menekankan keterangkuman, akses sama rata untuk kanak-kanak perempuan dan kumpulan terpinggir, serta integrasi pendidikan STEM	Cabaran serupa di India, termasuk akses pendidikan untuk kanak-kanak perempuan, kanak-kanak berkeperluan khas, dan golongan berpendapatan rendah; kurang peluang pendidikan STEM di kawasan luar bandar.	Mengurangkan halangan akses pendidikan untuk kumpulan terpinggir; memperluas peluang STEM; membekalkan kemahiran relevan bagi belia untuk bersaing dalam ekonomi global berasaskan teknologi.
<b>Kualiti dan Kesetaraan Pendidikan</b>	NSRA dan CESA menekankan pembelajaran berkualiti, kesamarataan peluang, dan inklusiviti dalam sistem pendidikan.	NEP India 2018 menekankan peningkatan GER dalam pendidikan tinggi, reformasi kurikulum, integrasi teknologi, persediaan guru, dan pendidikan berbilang bahasa	Menyelaraskan NEP dengan prinsip antarabangsa: menangani jurang serantau, menyokong kumpulan kurang bernasib baik, memastikan pendidikan relevan dan berkualiti tinggi; mempromosikan inklusiviti dan kesetaraan pendidikan sejajar dengan SDGs.
<b>Pendidikan Multibahasa dan Kompetensi Global</b>	Fokus antarabangsa menekankan persediaan pelajar untuk bersaing secara global.	India mempunyai kepelbagaian budaya dan linguistik yang luas; kurang program pendidikan berbilang bahasa yang sistematik untuk menggalakkan kompetensi global.	Menggalakkan pendidikan berbilang bahasa; memupuk kemahiran literasi global; membangunkan kurikulum yang menghormati kepelbagaian budaya sambil mempersiapkan pelajar untuk cabaran global.

Sumber: Australian Government (2015); African Union (2016); UNESCO (2020); Government of India (2018)

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, dasar-dasar antarabangsa memberikan sumbangan besar terhadap keselamatan komuniti di India dengan menangani isu-isu mendesak seperti ketidaksamaan ekonomi, diskriminasi berasaskan kasta, keganasan berasaskan jantina, dan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi. Rangka kerja antarabangsa seperti Konvensyen Istanbul (*Action against Violence against Women and Domestic Violence*, 2024), *Continental Education Strategy for Africa (The Gender Equality Strategy*, 2020), dan Program *Bolsa Familia* Brazil (*The American Association for Access, Equity and Diversity*, 2024) boleh dijadikan model bagi inisiatif keselamatan komuniti di India. Strategi-strategi ini menawarkan pendekatan menyeluruh untuk menangani punca utama ketidakamanan serta menyediakan penyelesaian lestari melalui pemberdayaan sosial dan ekonomi.

India mempunyai koleksi masalah yang unik, termasuk diskriminasi sistemik, keganasan berasaskan jantina, dan kemiskinan melampau. Negara ini berpeluang melaksanakan dasar-dasar terbukti yang dapat meningkatkan kesejahteraan komuniti terpinggir dan membina masyarakat yang lebih selamat serta inklusif dengan mengadaptasi amalan terbaik global. Sebagai contoh, inisiatif kebajikan sosial dan dasar tindakan afirmatif telah berjaya dalam memupuk keadilan sosial dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi (Legal Aid South Africa, 2024). Tambahan pula, komitmen antarabangsa untuk menghapuskan keganasan berasaskan jantina dan menjamin akses pendidikan yang setara, seperti yang digariskan dalam *Gender Equality Strategy* (2020), boleh menyokong pembentukan komuniti yang lebih selamat dan tahan lasak di India.

Walau bagaimanapun, bagi dasar-dasar antarabangsa ini berjaya diaplikasikan dalam konteks India, ia mesti disesuaikan untuk menangani landskap sosio-politik negara yang unik. Ini memerlukan usaha kolaboratif antara kerajaan India, badan antarabangsa, dan komuniti tempatan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan serta penilaian berterusan terhadap dasar-dasar tersebut. Dalam usaha memperkukuh keselamatan komuniti, India perlu mengamalkan pendekatan holistik yang menangani cabaran berbilang dimensi berkaitan ketidaksamaan, keganasan, dan pengecualian. Dengan demikian, India dapat membuka jalan ke arah masa depan yang lebih selamat dan saksama untuk semua warganya.

### Rujukan:

- African Union. (2024). *Continental Education Strategy for Africa (CESA) 2016–2025: A blueprint for education in Africa*. <https://www.au.int/en>
- Ahuja, K. (2020). *Empowering communities in India: Policy and practice*. Oxford University Press.
- American Association for Access, Equity, and Diversity. (2024). *Affirmative action: Principles, policy, and legal challenges*. <https://www.aaed.org>
- Andersen, K. G., et al. (2020). Education and its role in shaping society: A critical analysis of India's educational system. *International Journal of Educational Development*, 44, 12–22.
- Ballard, J. (2021). *Healthcare access in rural communities in India*. Ballard Brief. <https://ballardbrief.byu.edu/issue-briefs/healthcare-access-in-rural-communities-in-india>
- Banerjee, A. V., & Duflo, E. (2019). *Good economics for hard times*. PublicAffairs.
- Basu, P. (2020). *Inclusive development and community security in India*. Routledge.
- Boni, M. F., et al. (2020). The impact of education on socio-economic development and the challenges faced by disadvantaged communities in India. *Journal of Development Studies*, 34(2), 124–137.
- Bose, S. (2018). *Contested lands: India, Pakistan, and the Kashmir dispute*. Harvard University Press.
- Commission on Human Security. (2003). *Human security now*. United Nations.
- Council of Europe. (2024). *The Istanbul Convention: A framework for gender-based violence prevention*. <https://www.coe.int/en/web/istanbul-convention>
- Data.gov.in. (n.d.). *National Crime Records Bureau (NCRB)*. Ministry of Home Affairs, Government of India. [https://www.data.gov.in/ministrydepartment/National%20Crime%20Records%20Bureau%20\(NCRB\)](https://www.data.gov.in/ministrydepartment/National%20Crime%20Records%20Bureau%20(NCRB))
- European Commission. (2020). *Gender equality strategy 2020–2025*. [https://ec.europa.eu/info/policies/justice-and-fundamental-rights/gender-equality\\_en](https://ec.europa.eu/info/policies/justice-and-fundamental-rights/gender-equality_en)
- Ghai, Y. (2003). *Caste, class and power: Changing patterns of stratification in a Tanjore village*. South Asian Studies.
- Government of India. (1989). *Prevention of Atrocities Act*. Ministry of Social Justice and Empowerment.
- Government of India. (1995). *Mid-Day Meal Scheme (MDMS)*. Ministry of Human Resource Development.
- Government of India. (2002). *Panchayati Raj: Decentralized governance in India*. Ministry of Panchayati Raj.
- Government of India. (2005). *The Protection of Women from Domestic Violence Act (PWDVA), 2005*. Ministry of Women and Child Development.

- Government of India. (2013). *The Sexual Harassment of Women at Workplace (Prevention, Prohibition, and Redressal) Act, 2013*. Ministry of Women and Child Development.
- Government of India. (2021). *National policy on community security and empowerment of women*. Ministry of Women and Child Development.
- Gouilh, M. A., et al. (2011). The impact of socio-economic status on educational access in rural India. *Journal of Indian Education, 39*(2), 79–91.
- Gupta, D. (2019). *Marginalization and community security in urban India*. Springer.
- Hammarberg, T. (1998). Addressing children's right to education in developing nations: A review of the global situation. *UNICEF Discussion Papers, 33*, 3–12.
- Human Security Course. (n.d.). *Gender-based violence in human security contexts*. <https://humansecuritycourse.info>
- International Labour Organization (ILO). (2020). *The future of work in India: Policies and challenges*. International Labour Organization.
- International Monetary Fund. (2020, June 11). *Kurzarbeit: Germany's short-time work benefit*. <https://www.imf.org/en/News/Articles/2020/06/11/na061120-kurzarbeit-germanys-short-time-work-benefit>
- Kaldor, M. (2013). *New and old wars: Organised violence in a global era*. Polity Press.
- Khunkhana, F. (2020, August 26). The impact of education on crime reduction and community safety. *LinkedIn*. <https://www.linkedin.com/pulse/impact-education-crime-reduction-community-safety-fajal-khunkhana-bkf2f>
- Kumar, A. (2018). *Untouchability in rural India*. Cambridge University Press.
- Latinne, A., et al. (2020). Socioeconomic disparities in access to education: A study on the barriers faced by low-income families in India. *Education and Poverty Review, 12*(1), 56–69.
- Lau, S. K. P., et al. (2007). The role of education in breaking the cycle of poverty: Evidence from developing countries. *World Bank Working Papers, 118*, 1–9.
- Learn for Life Foundation. (n.d.). *India's education crisis: A continuing problem for millions*. <https://learnforlifefoundation.org>
- MacFarlane, S. N., & Khong, Y. F. (2006). *Human security and the UN: A critical history*. Indiana University Press.
- Ministry of Education. (2020). *National Education Policy (NEP), 2020*. Government of India.
- Ministry of Human Resource Development. (2001). *Sarva Shiksha Abhiyan (SSA)*. Government of India.
- Ministry of Women and Child Development. (2015). *Beti Bachao Beti Padhao (BBBP) Scheme*. Government of India.
- Mishra, P. (2020). *India's approach to security: A new model*. Oxford University Press.
- Muslim Aid. (n.d.). *The importance of healthcare*. <https://www.muslimaid.org/media-centre/blog/the-importance-of-healthcare>
- Oberleitner, G. (2005). *Human security: A challenge to international law?* Routledge.
- Rihtaric, D., et al. (2010). Socioeconomic factors affecting educational outcomes in India. *International Journal of Social Sciences, 22*(1), 98–105.
- Saran, S. (2019). *How India sees the world: Kautilya to the 21st century*. Juggernaut Books.
- Sen, A. (2000). *Development as freedom*. Oxford University Press.
- Singh, B. (2016). *Communalism and community security in India*. Sage Publications.
- Social Inequality and Caste-Based Discrimination in India. (2022). *International Journal of Political Science and Governance*.
- Sukhdeo, R. (2018). Dalits and the struggle for equality. *Social Science Review, 34*(1), 58–67.
- Tao, Y., et al. (2019). Government initiatives for improving the quality of education in India: A focus on SSA and RMSA. *Indian Journal of Public Policy, 11*(2), 35–48.
- Teltumbde, A. (2010). *The persistence of caste: The Khairlanji murders and India's hidden apartheid*. Zed Books.
- Thakur, R. (2018). *India's foreign policy: Coping with the changing world*. Springer.
- Tomasevski, K. (2001). Human rights law and its impact on education policies across the globe. *Human Rights Law Review, 21*(3), 45–62.
- United Nations. (2024). *Transforming education summit: Shaping the future of global education*.

- <https://www.un.org/en/education-summit>
- United Nations Development Programme (UNDP). (1994). *Human development report 1994: New dimensions of human security*. Oxford University Press.
- United Nations Development Programme (UNDP). (2020). *Human security in India: Economic and social inequalities and the path to sustainable development*. UNDP.
- UNESCO. (1995). *Education for all: A global programme for universal primary education*. UNESCO.
- UN Women. (2020). *Gender-based violence and human rights*. United Nations Women.
- Wrigley-Field, E. (2019). Caste-based discrimination and economic inequality in India. *Journal of Social Justice*, 28(2), 112–124.
- World Bank. (2014). *The role of education in promoting human security and development*. The World Bank.
- World Bank. (2019). *Poverty and shared prosperity 2019: Piecing together the poverty puzzle*. <https://openknowledge.worldbank.org>